

## BAB 5 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA

5. Rajah berikut merujuk kepada penggubalan perlembagaan merdeka di Tanah Melayu



- a. Namakan **dua** orang ahli dalam Suruhanjaya Reid.

---

---

[ 2 markah ]

- b. Senaraikan empat isi kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

---

---

---

---

[ 4 markah ]

- c. Pada pendapat anda, mengapakah perlembagaan penting kepada sesebuah negara ?

---

---

---

---

[4 markah]

### Bahagian esei

- 5 Pakatan Murni merupakan usaha semua kaum di Tanah Melayu untuk menghasilkan satu kerjasama dan tolak ansur politik melalui rundingan
- a. Nyatakan kepentingan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JAK) [4 markah]
  - b. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, galurkan langkah-langkah penting yang diambil oleh pemimpin terdahulu ke arah pembentukan Pakatan Murni. [8 markah]
  - c. Apakah iktibar yang boleh anda dapat daripada Pakatan Murni ini ? [8 markah]

### Bab 5 : Pembinaan Negara Bangsa yang Merdeka

Soalan 5		Perincian / Butiran	Markah
a		<b>Namakan dua orang ahli dalam Suruhanjaya Reid.</b>	
	F1	Lord Reid (Hakim British)	1
	F2	Sir Ivor Jannings (England)	1
	F3	Sir William McKell (Bekas Gabenor Jeneral Australia)	1
	F4	Tuan B. Malik (Hakim Mahkamah Tinggi India)	1
	F5	Tuan Abdul Hamid (Pakistan)	1
		(Mana-mana 2 x 1m)	[ 2 markah ]
b		<b>Senaraikan empat isi kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.</b>	
	F1	Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan	1
	F2	Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri	1
	F3	Institusi Raja dijadikan Raja Berperlembagaan	1
	F4	Tiga jenis kerakyatan (Kuat Kuasa Undang-undang, Permohonan dan Naturalisasi)	1
	F5	Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan	1
	F6	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	1
	F7	Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Negara	1
	F8	Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen	1
	F9	Tanah Simpanan Melayu dikekalkan	1
	F10	Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan	1
	F11	Menteri Besar sebagai pelaksana pentadbiran	1

		dan beliau dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan Exco di peringkat negeri. (Mana-mana 4 x 1m)	[ 4 markah ]
c		<b>Pada pendapat anda, mengapakah perlembagaan penting kepada sesebuah negara ?</b>	
	F1	Sebagai panduan untuk mentadbir	1
	F2	Mengawal tingkah laku rakyat	1
	F3	Memastikan keharmonian negara	1
	F4	Sebagai simbol negara yang merdeka	1
	F5	Memastikan kestabilan politik	1
	F6	Sebagai undang-undang tertinggi (Mana-mana yang munasabah) (Mana-mana 4 x 1m)	1 [ 4 markah ]

**BAB 5: PEMBINAAN NEGARA BANGSA YANG MERDEKA**  
( ESEI )

Soalan 5		Perincian / Butiran	Markah
a		<b>Nyatakan kepentingan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JAK)</b>	
	F1	Permulaan kerjasama antara kaum	1
	F2	Kerjasama dan tolak ansur politik antara kaum	1
	F3	Tertubuhnya Parti Perikatan	1
	F4	Merintis ke arah kemerdekaan negara	1
	F5	Bermulanya pilihanraya di negara kita (Mana-mana 4 x 1m)	1 [ 4 markah ]
b		<b>Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, galurkan langkah-langkah penting yang diambil oleh pemimpin terdahulu kita ke arah pembentukan Pakatan Murni.</b>	
	F1	Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)	1
	F2	Terdiri dari dua kaum terbesar iaitu Cina dan Melayu	1
	F3	Hasil perundingan UMNO-CLC ialah penubuhan RIDA, Kerakyatan Negeri 1951 dan pilihan raya akan diadakan.	1
	F4	Pembukaan keahlian UMNO oleh Dato Onn Ja'afar pada tahun 1951.	1

	F5	Penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) yang menggunakan konsep kerjasama kaum.	1
	F6	Penubuhan Persidangan Kebangsaan oleh Sir Malcom MacDonald (Gabenor Jeneral Asia Tenggara).	1
	F7	Persidangan Kebangsaan untuk mencapai kerjasama politik dan mengurangkan perasaan perkauman	1
	F8	Tunku Abdul Rahman telah menganjurkan Kovensyen Kebangsaan bersama-sama MCA.	1
	F9	Konvensyen Kebangsaan ini merupakan asas pembentukan Parti Perikatan. (Mana-mana 8 x 1m)	1 [ 8 markah ]
c		<b>Apakah iktibar yang boleh anda dapat daripada Pakatan Murni ini ?</b>	
	F1	Kesanggupan pelbagai kaum untuk mewujudkan kerjasama dalam politik	1
	F2	Membentuk negara yang merdeka	1
	F3	Toleransi antara kaum	1
	F4	Pembentukan masyarakat majmuk yang bersatu	1
	F5	Negara merdeka tanpa pertumpahan darah	1
	F6	Penduduk tempatan mampu mentadbir sendiri	1
	F7	Perpaduan kaum sebagai asas kemerdekaan	1
	F8	Sebagai asas penubuhan Parti Perikatan (Mana-mana munasabah) (Mana-mana 8 x 1m)	1 [ 8 markah ]